

# PENYELAMAT EKONOMI M

Oleh MUSTAPA MOHAMED

MASSA 1.11.2003

**“ Tugas menjaga kepentingan ekonomi negara dalam perhubungan antara-bangsa jauh lebih rumit daripada hanya mencari sahabat politik. Dalam arena antarabangsa, kawan dan lawan tidak mudah diasingkan. Kadang-kadang kawan politik boleh menjadi musuh ketat ekonomi.”**

**– Ucapan Dr. Mahathir kepada diplomat-diplomat Malaysia di Kuala Lumpur pada 12 Ogos 1991**



**P**ENCAPAIAN Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengangkat martabat negara dan status beliau sendiri. Kerana kejayaan Malaysia, banyak negara maju mahu mencontohi model pembangunan kita. Martabat negara melonjak apabila banyak negara dan pemimpin Islam di dunia memohon bantuan kita. Kita boleh memberi bantuan kepada negara lain – baik dari segi kewangan, ekonomi, teknologi, teknikal mahupun ketenteraan – kerana kita berkemampuan.

Semasa Bosnia-Herzegovina diancam perang saudara, kita menghantar batalion kita bersama tentera pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Selepas perang, Malaysia membantu dalam pembangunan semula

negara malang itu. Kita juga perjuangkan hak orang Islam di Palestin, Iraq, Iran, Chechya dan Afghanistan. Kita beri pelbagai jenis bantuan kepada rakyat negara-negara Islam yang susah. Sebagai tokoh Islam dunia, pandangan Dr. Mahathir didengar pemimpin negara-negara besar. Apabila imej Islam dicemari puak pelampau dan ekstremis, baik di Malaysia mahupun luar negara, Dr. Mahathir mempertahankan kedaulatan Islam sebagai agama keamanan dan kedudukan umat Islam lain yang tidak terbabit dengan kegiatan pelampau.

Selepas tragedi 11 September 2001, pemimpin Barat merasa perlu untuk mendengar pandangan Dr. Mahathir tentang bagaimana mengatasi masalah keganasan. Dr. Mahathir juga adalah antara satu-satunya pemimpin Islam yang